

DATE: 23 JANUARY 2014 (THURSDAY)

MEDIA: THE STAR – ZAHID:NO LET-UP ON CRACKDOWN-PG. 10

THE STAR – SUFFICIENT TIME GIVEN, SAYS MINISTER-PG.10

THE STAR – TRADERS BACK MCA'S CALL TO POSTPONE OPERATIONS-PG.10



Sufficient time given, says minister

By **ZUHRIN AZAM AHMAD**
zuhriazam@thestar.com.my

PUTRAJAYA: There will be no let-up on the nationwide crackdown on illegal immigrants, says Home Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"No way," he told *The Star* when asked about the MCA's call to postpone the crackdown until after the Chinese New Year.

MCA president Datuk Seri Liow Tiong Lai, in making the call, had said a postponement would prevent inconvenience to the people in the run-up to the celebrations.

He said many traders had complained that their business had been affected, especially in the busy shopping period ahead of the new lunar year.

Liow said enforcement teams were rounding up all foreign workers, whether legal or illegal, and those with proper documents would only be released after proving their innocence.

Dr Ahmad Zahid reiterated that the authorities would step up their operations to flush out all illegal foreign workers from the country.

"We have given them (employers) ample time. They had three months from Oct 21 last year to Jan 20 (to register their illegal workers)," he said.

This was after the 6P Illegal Immigrant Comprehensive Settlement Programme, launched in June 2011, where about 1.3 million of an estimated two million foreign workers were registered.

A large number of them, however, did not come back for further processing.

The nationwide crackdown started early on Tuesday, following the end of the three-month programme to allow employers to register their illegal workers and to apply for them to be legalised or to sort out any documentation that was pending.

Employers had claimed to have been cheated by employment agencies to take in illegal workers.

Traders back MCA's call to postpone operations

PETALING JAYA: The Chinese business community has backed the MCA's call for the nationwide crackdown on illegal immigrants to be postponed until after the Chinese New Year celebrations.

Malaysian Retailer-Chains Association president Datuk Nelson Kwok strongly supported the move, adding that the operations, which started on Tuesday, affected all sectors and would halt the nation's economic growth in the long run.

"Many would hesitate to expand their businesses due to a lack of workers. This will create a chain reaction and ultimately the Government will be affected in terms of tax collection," he said.

Before carrying out the operations, the Government should give a notice of "three to six months", he said.

Lim Association executive adviser Tan Sri S.P. Lim also thinks that at least three months' notice should be given to employers.

"Many are not prepared. It not only affects

the businesses, but also contributes to rising prices. When the workers run away, it affects production and when there isn't enough supply, prices go up," he said.

MCA president Datuk Seri Liow Tiong Lai had on Tuesday called for the crackdown to be postponed to prevent inconvenience to the people in the run-up to the Chinese New Year celebrations.

Bina Puri group managing director Tan Sri Tee Hock Seng agreed that the exercise should be put off "until maybe the end of February", though he agreed that the Government had given ample notice.

"Some employers just ignore the notice. It's important for the human resource department of the companies to work hard in ensuring that illegal workers are registered.

"The operations show that the Government is very serious about tackling the issue of illegal immigrants. This will help in reducing crime and improving public safety," he said.

DATE: **23 JANUARY 2014 (THURSDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – 1,757 DITAHAN DALAM TEMPQH 24 JAM,-PG.13**

UTUSAN MALAYSIA – MAJIKAN RAKUS PUNCA LAMBAKAN-PG.13

6,866 PATI diperiksa di rumah kongsi, restoran dalam Ops 6P Bersepadu 1,757 ditahan dalam tempoh 24 jam

Oleh SHARAIMEI
SHAIK AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 22 Jan. - Dalam tempoh 24 jam, seramai 1,757 pendatang asing tanpa izin (PATI) berjaya ditangkap di seluruh negara dalam Ops 6P Bersepadu yang dilancarkan sejak awal pagi semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen, Abdul Haidir Mohd. Sukor berkata, dalam operasi bersepadu yang menyasarkan beberapa premis di seluruh negara itu seramai 1,465 PATI lelaki dan 248 PATI perempuan berjaya ditahan.

Beliau berkata, menerusi operasi itu, seramai 6,866 pendatang asing diperiksa di premis seperti rumah kongsi, tapak pembinaan, rumah kediaman, restoran dan lain-lain.

"Kita memeriksa sebanyak 122 premis di seluruh negara dan dalam pemeriksaan itu, seramai 44 PATI kanak-kanak turut ditahan menjadikan jumlah keseluruhan 1,757 PATI.

"Dalam operasi ini, tiga orang majikan turut ditahan iaitu di Negeri Sembilan atas kesalahan mengaji dan melindungi PATI berkenaan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia semalam melaporkan seramai 1,565 PATI ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen perjalanan lengkap dalam 107 operasi di seluruh negara yang bermula sejak pukul 12 tengah malam semalam sebaik Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) berakhir.

Menurut Abdul Haidir, PATI teramai yang ditahan adalah di Kuala Lumpur iaitu 454 orang diikuti Putrajaya (238), Terengganu (145), Kedah (132), Johor (131), Sarawak (123) dan Sabah (109).

Selain itu, katanya, Perak (88), Negeri Sembilan (73), Pulau Pinang (70), Melaka (61), Selangor (40), Pahang (30), Perlis (23), Kelantan (22) dan Labuan (8).

Abdul Haidir berkata, kebanyakan PATI yang ditahan itu dikesan menerusi pemeriksaan yang dijalankan di rumah kongsi dan tapak pembinaan, rumah kediaman serta restoran.

"Mengikut warganegara, PATI



ANGGOTA Imigresen melakukan pemeriksaan ke atas pendatang asing tanpa izin dalam Ops 6P Bersepadu di Johor Bahru, malam semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

dari Indonesia paling ramai ditahan iaitu seramai 739 orang diikuti Bangladesh (275), Myanmar (206), India (135), Kemboja (98), Filipina (92), Nepal (91), Pakistan (73), Vietnam (29), Thailand (4), China (2), Nigeria (1) dan lain-lain warganegara seramai 12 orang.

"Mereka ini ditahan atas pelbagai kesalahan antaranya menetap tanpa pas atau permit sah, tinggal lebih lama di negara ini, melanggar syarat pas, memiliki dokumen palsu dan lain-lain kesalahan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penguat Kuasa Jabatan Imigresen, Zahari Abdul Aziz berkata, tiga majikan di tiga kilang turut ditangkap hari ini kerana mengaji dan memberi perlindungan kepada PATI meskipun tidak mempunyai dokumen lengkap.

"Sejak dilancarkan, 33 premis diperiksa memabitkan 790 tangkapan, manakala 343 PATI lagi ditahan di rumah kediaman mereka.

"Kita juga memeriksa enam kilang yang berjaya menahan 111 PATI dan tiga daripada majikan di kilang itu ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurut Zahari, kesemua PATI ditempatkan di depot tahanan dan pejabat Imigresen yang mempunyai lokap, selain tiga Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan.

Ujarnya, urusan penghantaran pulang kesemua PATI itu dijalankan setiap hari untuk memastikan tidak berlaku kesesakan di semua pusat tahanan.

INFO

10 FAKTOR PATI BEKERJA SECARA HARAM DI MALAYSIA

- 1 Sukar mendapat pekerjaan di negara sendiri dan terdesak meningkatkan ekonomi keluarga di negara asal.
- 2 Majikan di Malaysia mudah menerima mereka bekerja disebabkan gaji rendah dan tiada kos pengurusan hospital dan perubatan.
- 3 Ada juga yang terperangkap dalam sindiket pekerja asing menjerit-jerit gaji lumayan.
- 4 Majikan tidak membuat atau memperbaharui permit pekerja asing.
- 5 Kerakusan majikan untuk mengaut untung melalui tindakan menggaji warga asing.
- 6 Majikan menyenangi sikap PATI yang sedia bekerja lebih masa walaupun gaji yang dibayar amat rendah.
- 7 Sikap majikan yang lari daripada membayar levy.
- 8 Golongan tersebut yang ingin kekal menetap di negara ini dengan mengahwini rakyat tempatan.
- 9 Perbelanjaan harian di Malaysia yang jauh lebih rendah berbanding di negara mereka.
- 10 Tempat tinggal murah apabila mereka hanya menetap di rumah kongsi secara beramai-ramai tanpa membayar sewa.

Dalam Negeri

dai makan 24 jam 'berehat seketika'

Analisis Berita



Penulis terpinga-pinga seketika mendengar jawapan itu, 'Operasi'? Oh! Rupa-rupanya pekerja restoran itu (yang dipercayai remaja sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia) merujuk kepada Operasi 6P Bersepadu yang dilancarkan di seluruh negara.

Operasi besar-besaran bagi memburu 400,000 pendatang asing tanpa izin (PATI) bermula tengah malam 21 Januari lalu di seluruh negara.

Barangkali, restoran berkenaan

ditutup kerana tidak cukup kakitangan untuk mengendalikan operasi harian.

Maklumlah kebanyakan kakitangannya adalah warga asing yang bekerja secara haram.

Khabarnya, bukan Restoran A sahaja yang terpaksa ditutup 'dek kerana tidak cukup kakitangan.' Banyak lagi restoran lain termasuk kedai-kedai makan 24 jam yang 'berehat seketika' sepanjang musim operasi ini.

Macam mana mahu berniaga, daripada tukang masak, pelayan, pembancuh air, penebar roti canai dan pencuci pinggan mangkuk semuanya pekerja import tidak sah!

Mereka adalah sebahagian daripada 400,000 PATI yang sedang diburu.

Berdasarkan laporan hari pertama, sejumlah 107 operasi di seluruh negara dijalankan. Dalam tempoh 12 jam operasi seramai 6,149 warga asing diperiksa.

Sehingga kini, hanya 1,757 PATI ditahan kerana tidak ada dokumen perjalanan yang lengkap. Tiga majikan turut ditahan kerana mengaji dan memberi perlindungan kepada mereka.

Satu pertanyaan: 'Ke mana menghilangnya baki beratus ribu pekerja haram lain?'

Tidak adil untuk membuat telahan, kerana baru sangat lagi operasi bermula.

Ada cakap-cakap kedengaran, se-jurus selepas kerajaan mengumum-

kan Program Khas Pengurusan PATI 20 Oktober lalu, para pekerja haram ini sudah mula merancang. Majikan-majikan yang tidak bertanggung jawab turut sama bersubhat.

Ada yang lari masuk hutan. Ada yang menyewa rumah dan duduk diam-diam. Yang tidak mampu, tidur di tempat kerja (tapak-tapak projek pembinaan).

Awal-awal lagi khabarnya mereka sudah menyimpan stok bekalan makanan.

Seperti biasa mereka yakin operasi kali ini macam yang lepas-lepas, tidak lama. Paling lama pun sebulan. Selepas itu keadaan akan kembali seperti biasa.

Harapnya kali ini tidaklah.

Majikan rakus punca lambakan

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Sikap majikan yang lepas tangan dan enggan memperbaharui permit kerja merupakan antara punca lambakan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara ini sejak beberapa tahun lalu.

Timbalan Penolong Pengarah Imigrasi Selangor Othman Montil berkata, sikap tidak acuh majikan dalam menyediakan kontrak kerja yang sempurna untuk pekerja asing memaksa mereka melarikan diri dan bergaul dengan penduduk tempatan seterusnya mendapat pekerjaan secara haram.

"Kita pasti, ini merupakan antara punca utama lambakan PATI dan mereka juga boleh disifatkan menjadi mangsa kerakusan majikan yang mengaji PATI tanpa membayar lev.

"Perkara ini dikenal pasti menerusi beberapa tangkapan PATI yang dilakukan selepas Ops 6P Bersepadu Fasa 2 dilancarkan dua hari lalu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Othman memberitahu, pekerja warga asing tidak boleh memperbaharui permit kerja mereka sendiri kerana ia merupakan tanggungjawab majikan.

Sehubungan itu, katanya, jika permit kerja tidak diperbaharui, maka kesalahan adalah sepenuhnya di atas bahu majikan.

riksa di rumah kongsi, restoran dalam Ops 6P Bersepadu

itahan dalam tempoh 24 jam



DATE: **23 JANUARY 2014 (THURSDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – TAK CAPAI MATLAMAT JIKA MAJIKAN DEGIL**
BERITA HARIAN – KETEGASAN MALAYSIA PERTAHANANA KEDAULATAN-PG.10

10 NASIONAL

KHAMIS 23 JANUARI 2014

BH

OPERASI BERSEPADU 6P FASA 2 (OP 6P)

Tak capai matlamat jika majikan degil

» Masyarakat tidak perlu lagi menggaji, lindungi PATI

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Irwan Shafirizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Usaha memburu 400,000 pendatang asing tanpa izin (PATI) tidak akan mencapai matlamat, jika majikan negara ini terus berdegil menggunakan khidmat warga asing terbahit.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 (Op 6P) yang dimulakan kelmarin tidak akan berjaya, jika majikan terus menggaji dan melindungi PATI di premis mereka.

"Tugas dan tanggungjawab menguatkuasa undang-undang tidak akan berkesan, jika tiada kerjasama masyarakat.

"Dalam isu ini, kita minta majikan agar tidak lagi menggaji dan melindungi PATI. Mereka yang



Sebahagian daripada 570 warga asing yang diperiksa dalam Op 6P di asrama pekerja asing di Teluk Rubiah, Manjung, semalam.

berbuat demikian termasuk menyewakan premis, rumah atau lesen perniagaan kepada PATI akan berdepan tindakan undang-undang," katanya kepada BH, semalam.

Wan Junaidi menegaskan, usaha gigit kerajaan semata-mata dalam membanteras kebanjiran

PATI di negara ini, akan menjadi sia-sia jika masyarakat berdegil melindungi atau memberi kesempatan kepada golongan terbahit.

122 operasi seluruh negara

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen, Abdul Halid Mohd Sukor,

berkata sehingga tengah malam kelmarin, 6,866 warga asing diperiksa menerusi 122 operasi di seluruh negara yang membawa kepada penahanan 1,757 PATI dan tiga majikan.

Jumlah itu membabitkan 739 warga Indonesia, Bangladesh (275 orang), Myanmar (135

orang), India (135 orang), Kemboja (98 orang), Filipina (82 orang), Nepal (91 orang) dan Pakistan (73 orang).

Selain itu, 29 warga Vietnam, Thailand (empat orang), warga China (dua) dan seorang Nigeria. Operasi membabitkan serbuan terhadap 33 rumah kongsi dan tapak pembinaan, 76 kediaman, enam kilang, sebuah restoran serta enam lain-lain premis.

Kuala Lumpur mencatatkan tangkapan tertinggi dengan 454 tangkapan, diikuti Putrajaya (238), Terengganu (145), Kedah (132) dan Sarawak (123) tangkapan.

KOMENTAR



VEENA
RUSLI

veena@bharian.com.my

Saban tahun, operasi bersepadu pengusiran pendatang asing tanpa izin (PATI) digerakkan dalam skala kecil dan besar, tetapi bilangan golongan itu seakan tidak pernah susut, jauh sekali mencecah sifar.

Ini menimbulkan persoalan - mana silapnya? Perlu kah kerajaan terus membelanjakan RM29 juta wang pembayar cukai setahun bagi menanggung urusan makan minum, penempatan dan pengangkutan mengusir PATI?

Bermula tengah malam kelmarin, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melancarkan Op 6P di seluruh negara bagi mena-

ngani kebanjiran PATI. Ironinya, perancangan gerak gempur pemutihan itu diumumkan seawal 9 Januari lalu - lengkap dengan tarikh dan masanya.

Mungkin ada baiknya jika butiran langkah proaktif seperti ini dibuat dengan kerahsiaan tertinggi pada masa akan datang supaya ia benar-benar mencapai sasaran tanpa memberi ruang PATI menghilangkan diri ketika operasi, baik mengatur helah atau disembunyikan majikan untuk tempoh tertentu.

Beberapa laporan terdahulu yang membongkar pembabit kuasa meloloskan kemasukan PATI juga perlu dijadikan iktibar supaya pengkhianatan sedemikian tidak diulangi.

Dicap lubuk emas

Hakikatnya, selagi Malaysia dicap sebagai lubuk emas dan kemakmuran dimiliki tinggi letaknya di mata rakyat jiran serantau, selagi itulah PATI mencari ruang menyelip masuk, ter-



Antara pendatang asing yang ditahan untuk pemeriksaan Op 6P di Shah Alam, semalam.

masuk untuk mencari rezeki.

Ada yang asalnya datang secara sah tetapi enggan pulang selepas tempoh lawatan tanpa visa dibenarkan. Berakhir dan pilihan paling mudah ialah memalsukan dokumen perjalanannya.

Kedadaan ini diburukkan dan

ngan sikap sebilangan majikan menggaji PATI untuk menjimatkan kos kerana tanggungan hakiki cuma penginapan dan upah harian atau bulanan yang lebih rendah berbanding pekerja sah.

Isu berbangkit bukan kehadiran PATI mengancam pelu-

ang pekerjaan rakyat tempatan kerana berapa ramai sangatlah anak Malaysia mahu membanting tulang di ladang dan kebun, membantu kerja renyah di dapur restoran, membersihkan tandas awam atau berpanas berhujan menjaga medan letak kenderaan.

Kebimbangan disuarakan jauh lebih besar kerana isu PATI tidak sekadar terarah kepada keperluan dokumentasi tetapi mencakupi lingkungan aspek keselamatan dan ekonomi negara, selain ancaman masalah sosial tanpa sempadan.

Buka lembaran baru

Justeru, ketetapan mengusir PATI ditahan dalam tempoh tujuh hari dengan dibiayai kedutaan negara asal dan majikan seperti diumumkan semalam, harus membuka lembaran baru ketegasan Malaysia mempertahankan kedaulatannya.

Dalam soal ini, negara mungkin tidak diancam di muncung senjata tetapi kehadiran ribuan PATI sudah cukup meresahkan, apatah lagi jika ada yang mula menampakkkan belang berlagak tuan di bumi orang.

Era berlembut sudah berakhir kerana Malaysia bukan lagi menghantar pulang PATI tetapi mengusir.